

KEPENTINGAN MEMPELAJARI DAN MENGUASAI ILMU FIKAH MENURUT
AL-HAFIZ AL-KHATIB AL-BAGHDADI DALAM KITAB AL-FAQIH WA
AL-MUTAFAQQIH.

SALMIAH BINTI MOHD JUPRI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL: KEPENTINGAN MEMPELAJARI DAN MENGUASAI ILMU FIKAH MENURUT AL-HAFIZ AL-KHATIB AL-BAGHDADI DALAM KITAB AL-FAQIH WA AL-MUTAFAQIHI

SESI PENGAJIAN: 2007/2008

SAYA : SALMIAH BT MOHD JUPRI
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sabagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(Tandatangan Penulis)

Disahkan oleh


(Tandatangan Penyelia)

Alamat tetap:
E-29 JALAN MASJID,
BATU 37 DARAT,
45200 SABAK BERNAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

DR. ARIEF SALLEH B. ROSMAN
Nama Penyelia


Tarikh: 7 Mei 2008

Tarikh: 7 Mei 2008

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan (Pengajian Islam) ”

Tandatangan :  _____

Nama Penyelia : Dr. Arief Salleh b. Rosman

Tarikh : 7 Mei 2008

KEPENTINGAN MEMPELAJARI DAN MENGUASAI ILMU FIKAH MENURUT
AL-HAFIZ AL-KHATIB AL-BAGHDADI DALAM KITAB AL-FAQIH WA
AL-MUTAFAQQIH

SALMIAH BINTI MOHD JUPRI

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta
Pendidikan (Pengajian Islam)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : SALMIAH BINTI MOHD JUPRI
Tarikh : 7 MEI 2008

~ DEDIKASI ~

Bismillahirrahmaanirrahim,

RODHietu BILLAHI ROBBA, WA BIL ISLAMI DIENA,

WA BI MUHAMMADI NABIEYA WA ROSUULA

Ya Allah, kurniakanlah kami lisan yang lembut basah mengingati dan menyebut nama Mu, hati yang penuh segar mensyukuri ni'mat Mu, serta badan yang ringan menyempurnakan ketaatan kepada perintah Mu. Ya Allah, Kurniakanlah kami iman yang sempurna, hati yang khusyu', ilmu yang berguna, keyakinan yang benar-benar mantap. Ya Allah, kurniakanlah kami Deen (cara hidup) yang jitu dan unggul, selamat dari segala mara bahaya dan petaka. Kami mohon Ya Allah kecukupan yang tidak sampai kami terpaksa meminta jasa orang lain. Berikanlah kami Ya Allah iman yang sebenarnya sehingga kami tidak lagi gentar atau mengharap orang lain selain dari Engkau sendiri. Kembangkanlah lembayung rahmat Mu kepada kami, keluarga dan anak-anak kami serta sesiapa sahaja yang bersama-sama kami. Amin...

Dedikasi ini ditujukan buat :-

Ayahanda & Bonda...

Mohd Jupri b. Hj Anuar & Azizah bt. Hj Mokhtar

Anakmu yang Dhoif si sisi al'Azim ini hanya mampu merangkai doa yang tidak putus-putus agar kalian sentiasa dalam pelukan kasih sayang al-Rahim sehingga alam akhirat

Jentera Pendidik..

Kecekalan kalian mendidik dan membimbingku menkagumkan.

Qudwah yang dipamerkan menjadi inspirasi

Kekanda & Adinda...

Zaini, Rohani, Rafaei, Rashidah, Sulaiman dan Norlatifah.

Kemenangan dan kecemerlangan kalian menjadi pencetus semangat

saudaramu ini untuk terus berjuang di medan ilmu

Teman, Rakan & Sahabat...

Sedetik Bersama, Seabad Terasa.

Hidup ini lebih bermakna dengan teguran dan bimbingan kalian

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, seinfiniti kesyukuran saya panjatkan kepada *Rabbul Jalil* kerana dengan Rahmat dan '*Inayah*-Nya saya dapat menyempurnakan Projek Sarjana Muda ini pada masa yang telah ditetapkan.

Sekalung penghargaan khusus untuk Dr. Arief Salleh b. Rosman sekeluarga selaku penyelia pembimbing yang bertindak sebagai pemudahcara dan tidak pernah lokek membantu serta menyalurkan idea-idea bernas dalam menzahirkan projek ini dengan jayanya. Keperihatinan beliau sangat dihargai.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada ahli keluarga, warga pendidik, serta keluarga PPIPS yang telah memberi kerjasama yang jitu. Sumbangan rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung serta tidak langsung juga sedikit sebanyak membantu dalam melaksanakan tugas ini.

Seterusnya dengan tulus ikhlas saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat sahabat-sahabat dari Persatuan Mahasiswa Islam yang tidak putus-putus menyuntik semangat, harapan dan dorongan kepada saya, khususnya kepada mantan pimpinan PMI bagi sesi 2007. Keperihatinan kalian menggambarkan keutuhan simpulan ukhuwwah di antara kita. Semoga ia berkekalan.

Diharapkan laporan kajian ini dapat mencetuskan idea baru dan memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan dan bakal-bakal pendidik yang akan melangkah ke alam profesion yang semakin mencabar.

Ya Allah, tetapkanlah kebaikan bagiku di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Maha Pengasih dan Engkaulah Pemilik Arasy yang agung.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Islam mewajibkan setiap penganutnya menuntut ilmu supaya tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang jahil. Ilmu fikah merupakan antara lapangan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu muslim yang *mukallaf* kerana di dalamnya terkandung syariat-syariat Allah S.W.T. yang perlu dilunasi. Justeru, kajian ini mengupas dengan lebih lanjut akan kepentingan mempelajari dan menguasai ilmu fikah menurut al-Khatib al-Baghdadi berdasarkan kitab *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menjadikan kajian perpustakaan sebagai asas metodologi kajian penulis. Hasil kajian ini dapat menjawab persoalan tentang apakah pentingnya mempelajari serta menguasai ilmu fikah bagi setiap muslim. Di akhir kajian ini, penulis mengemukakan cadangan kepada beberapa pihak seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi pendidikan, guru dan pensyarah, pendakwah dan individu muslim.

ABSTRACT

All Muslims are expected to seek and learn any type of knowledge fields so that they will not regarded as ignorant people. Jurisprudence (Fikah) is one of the knowledge fields that are compulsory to be learnt by every *mukallaf*. This is because it holds the rules of Allah S.W.T. which need to be performed. Therefore, the study was carried out to identify the importance of learning and practice fikah knowledge according to al-Khatib al-Baghdadi in his kitab *al-Faqih Wa al- Mutafaqqih*. The study implies qualitative type, which adopt library research as the basic methodology. The result of the study answers inquiries about the significance of learning and becoming experts in fikah knowledge to every Muslim. At the end of this study, the researcher comes out with suggestions concerning the discussed issue to the Ministry for Education, education institutions, teachers, lecturers, parsons as well as each and every Muslims.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI SINGKATAN	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Definisi Istilah	9
	1.9 Kesimpulan	10

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Pengenalan Kepada Fikah	12
2.3	Biografi Penulis	17
2.4	Kitab <i>al-Faqih Wa al-Mutafaqqih</i>	24
2.5	Kepentingan Mempelajari Dan Menguasai Ilmu Fikah	32
2.6	Kajian Lepas	39
2.7	Kesimpulan	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	41
3.2	Metode Penentuan Subjek	42
3.3	Metode Pengumpulan Data	42
3.4	Metode Analisis Data	45
3.5	Kesimpulan	46
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	47
4.2	Fasal-Fasal Yang Menyebut Tentang Kepentingan Mempelajari Dan Mendalami Ilmu Fikah	47
4.3	Hikmah Mempelajari Dan Menguasai Ilmu Fikah	66
4.4	Kesan Tidak Menyahut Seruan Menuntut Ilmu Fikah	67
4.5	Kesimpulan	70

BAB 5	RUMUSAN, SARANAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Rumusan	71
5.3	Saranan	73
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.5	Kesimpulan	75
	SENARAI RUJUKAN	76
	LAMPIRAN	83

SENARAI SINGKATAN

ed.	-	editor
b.	-	bin
bt.	-	binti
H	-	Tahun Hijrah
<i>Ibid.</i>	-	(Latin: <i>Ibidem</i>) pada tempat, kitab atau halaman yang sama
k.w.j.	-	<i>Karamallahu Wajhah</i>
PPIPS	-	Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
r.a.	-	<i>Radhiallahu 'Anhu</i>
s.a.w.	-	<i>Sallallahu 'Alayhi Wasallam</i>
S.W.T.	-	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
t.p.	-	tanpa penerbit
t.pengarang	-	tanpa pengarang
t.t.	-	tanpa tempat
t.thn.	-	tanpa tahun

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam hanya dapat dibangun oleh generasi yang berilmu dan bertakwa. Ilmu merupakan asas penting kepada pembentukan jati diri seseorang muslim kerana penyerahan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T. adalah hasil daripada keimanan yang sempurna. Proses keimanan haruslah berasaskan ilmu mengenal Allah S.W.T. dan ia jugalah yang mendorong manusia untuk melakukan sesuatu amal ibadah (Al-Qardhawi, 1996: 77). Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari hamba-hambanya hanyalah ulama (orang berilmu)*”

(Surah Fatir, 35: 28)

Ia dilengkapi lagi dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang menegaskan tentang kewajipan menuntut ilmu. Baginda bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
 " طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ "

Maksudnya: *“Daripada Anas Bin Malik berkata. Rasulullah s.a.w bersabda: Menuntut ilmu pengetahuan itu wajib ke atas setiap muslim”*

(Sunan Ibnu Majah: 224)

Sesungguhnya usaha seseorang dalam mengetahui hukum-hukum yang berkaitan dengan halal dan haram serta mengetahui amalan-amalan yang sah dan rosak (batal) merupakan sebaik-baik perkara. Ilmu yang memainkan peranan untuk menjelaskan perkara tersebut ialah ilmu fikah (Al-Bugha *et.al*, 2006: 4). Menurut Imam al-Syafi'i r.a., *“Ilmu itu ada dua jenis. Pertama: ilmu agama iaitu Ilmu Fikah. Kedua: ilmu dunia”* (Adh-Dhahabi, 1413H: 10/41).

Jumhur ulama berpendapat bahawa hukum-hakam Syarak (fikah) itu mempunyai *illat* (sebab dan alasan), dan di sebalik semua *illat* tersebut tersimpan maksud-maksud dan tujuan-tujuan tertentu yang hendak dicapai. Allah S.W.T. tidak memerintahkan sesuatu perbuatan itu dengan sia-sia bahkan faedahnya kembali kepada hamba. Allah Ta'ala menyatakan tujuan ibadat solat itu dengan firman-Nya :

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar”*

(Surah al-Ankabut, 29: 45)

Kemudian tujuan diperintahkan mengeluarkan zakat berpandukan firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)”

(Surah al-Taubah, 9: 103)

Seterusnya, kewajipan berpuasa di bulan Ramadhan seperti yang termaktub di dalam al-Quran mempunyai suatu matlamat. Firman Allah Ta’ala:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن

قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu supaya kamu bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah, 2: 183)

Sebab ibadah Haji difardhukan telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. melalui firman-Nya:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ

Maksudnya: *“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah”*

(Surah al-Hajj, 22: 28)

Berdasarkan tujuan-tujuan ibadah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, memberikan suatu gambaran bahawa ilmu itu tidaklah dituntut melainkan untuk diamalkan di dalam kehidupan manusia. Oleh yang demikian, keutamaan bagi setiap individu muslim adalah untuk mempelajari ilmu fikah kerana ia merupakan sebaik-baik ilmu yang memimpin manusia untuk lebih dekat dengan Allah S.W.T. Ia juga menyatakan keseluruhan syariat dan hukum-hakam agama. Selari dengan apa yang telah diungkapkan oleh Imam Abu Hanifah r.a. mengenai ilmu fikah. Beliau berkata:

“Bermula ilmu fikah itu mengetahui seorang akan barang yang hasil baginya daripada kebajikan dan akan barang yang hasil atasnya daripada kejahatannya”

(az-Zarnuji, 2006: 8)

Maksudnya, menerusi ilmu fikah yang dipelajari menjadikan seseorang individu itu mengetahui tuntutananya sebagai seorang *mukallaf*.

1.2 Latar Belakang Masalah

Keimanan seorang hamba itu diterjemahkan melalui amal ibadatnya. Justeru, fikah itu termasuk hukum-hakam mengenai peraturan antara manusia dengan manusia, mengenai hubungan antara manusia dan Tuhannya, iaitu yang dinamakan ibadat yang tidak sah kecuali dengan niat, seperti mengenai Solat, Zakat, Puasa dan Haji. Seterusnya, yang mengatur antara hubungan manusia sesama manusia, serta segala apa yang terjadi antara manusia itu berupa amal dan muamalat, dinamakan ilmu fikah, yang sama dengan erti Qanun (peraturan) (Aboebakar Atjeh, 1986: 2).

Suatu kemusykilan yang menjadi tanda tanya adalah apabila melihat secara makronya, seperti terdapat sesuatu yang tidak kena dengan disiplin ilmu fikah sehinggakan ia menjadi faktor umat Islam tidak termotivasi untuk mempelajari ilmu fikah sedangkan ia merupakan suatu lapangan ilmu yang bersifat semasa, selari dengan perkembangan dan perubahan masyarakat. Namun pada hakikatnya, umat Islam sendiri yang tidak menyedari apakah kepentingan sebenar mempelajari serta menguasai ilmu fikah.

Masyarakat Islam di Malaysia telah disedarkan oleh fakta sejarah yang menunjukkan bagaimana apabila umat Islam telah secara pasif menerima budaya *taqlid* yang menyebabkan kelesuan sistem fikah Islam berhadapan dengan proses permodenan. Dalam kurikulum Pengajian Keilmuan Islam, subjek Fikah Islam seolah-oleh telah dianggap sebagai pelajaran Sejarah Perundangan Islam semata-mata yang bukan lagi mampu menangani situasi semasa. Fikah sudah begitu lama dibiarkan beku dan statik dan ini telah menyebabkan banyak persoalan hidup masyarakat yang tidak menepati kehendak syarak (Muhammad Nabil Muhammad Syukri, 2000: 57).

Justeru, penulis yakin dengan menyuntik kembali kefahaman tentang kepentingan mempelajari ilmu fikah kepada masyarakat Islam di Malaysia khususnya

akan menjadi titik *bidayah* kepada pembangunan sistem fikah Islam yang dikatakan lesu serta gagal untuk bersifat semasa. Seterusnya, kecintaan terhadap ilmu fikah dapat dipupuk dan disuburkan. Hal ini telah mendorong penulis untuk mengkaji kepentingan dan keistimewaan menuntut ilmu fikah sepertimana yang telah dihuraikan oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam kitabnya yang bertajuk *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*.

1.3 Pernyataan Masalah

Manusia tidak dapat menepis daripada peraturan hidup yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. kerana sememangnya kehidupan insan ini telah diprogramkan seperti yang dikehendaki-Nya. Sebagai seorang muslim pula, terdapat tuntutan-tuntutan yang perlu dilaksanakan sebagai memenuhi hak-hak Allah Ta'ala selaku Pencipta.

Untuk melunasi tanggungjawab mengabdikan diri kepada Allah, tiada lain yang perlu dipelajari serta difahami oleh setiap individu muslim melainkan hanyalah ilmu fikah Islam yang merangkumi syariat Islam. Namun permasalahan yang timbul adalah kurangnya pemahaman kepada fikah Islam itu sendiri dan implikasi daripada masalah tersebut menyebabkan berlaku kepincangan di dalam praktikalnya.

Menyoroti apakah punca berlakunya hal ini, penulis yakin bahawa kurangnya kefahaman kepada fikah Islam telah berakar umbi dari ketidaktuntasan mendalami lapangan ilmu fikah Islam itu sendiri. Umum mengetahui, fikah bukanlah ilmu yang bersifat ststik dan jumud, bahkan ia merupakan suatu ilmu yang berkembang mengikut arus semasa. Oleh yang demikian, perlu bagi setiap muslim untuk terus mempelajari serta mendalami ilmu fikah supaya ia dapat memimpin amal ibadat ke arah kesempurnaan.

1.4 Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 Menjelaskan biografi al-Khatib al-Baghdadi.
- 1.4.2 Memperkenalkan Kitab *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*.
- 1.4.3 Mengenal pasti kepentingan mempelajari dan menguasai Ilmu Fikah menurut al-Khatib al-Baghdadi berdasarkan Kitab *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan di dalam kajian ini ialah:

- 1.5.1 Siapakah al-Khatib al-Baghdadi?
- 1.5.2 Apakah yang terkandung di dalam Kitab *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*?
- 1.5.3 Apakah kepentingan mempelajari dan menguasai Ilmu Fikah menurut al-Khatib al-Baghdadi berdasarkan Kitab *al-Faqih Wa al-Mutafaqqih*?